

LATIHAN : AYAT MAJMUK GABUNGAN

Gabungkan ayat-ayat tunggal di bawah menjadi ayat majmuk gabungan menggunakan kata hubung gabungan :
(DAN, ATAU, TETAPI, MANAKALA, LALU, SAMBIL)

1. a) Emak pergi ke dapur.
b) Emak menjerang air.

2. a) Kakak menyiram pokok bunga.
b) Kakak mendengar radio.

3. a) Kamu hendak kuih yang ini?
b) Kamu hendak kuih yang itu?

4. a) Perabot ini diimport.
b) Perabot ini mahal harganya.

5. a) Buah rambutan itu masak ranum.
b) Buah rambutan itu masam rasanya.

6. a) Awang Nazmi pegawai alam sekitar.
b) Awang Hasnan pegawai alam sekitar.

7. a) Buah pisang ini kamu beli di pasar malam?
b) Buah pisang ini kamu beli di pasar tani?

8. a) Ayah sedang membaca surat khabar.
b) Ibu sedang membuat teka silang kata.

9. a) Abang tidak terangkat kotak yang berat itu.
b) Adik tidak terangkat kotak yang berat itu.

10. a) Kamu suka warna merah?
b) Kamu suka warna hijau?

